

**ANALISIS ELEMEN *MAŞLAHAH* DAN
MAFSADAH DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI
KOKURIKULUM DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH TERPILIH DI NEGERI KEDAH**

AFNAN FAIZ RIDZUAN BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**ANALISIS ELEMEN *MAŞLAHAH* DAN
MAFSADAH DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI
KOKURIKULUM DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH TERPILIH DI NEGERI KEDAH**

oleh

AFNAN FAIZ RIDZUAN BIN AHMAD

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian milik Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Selawat buat junjungan kekasih Allah, Nabi Muhammad SAW dan juga ahli keluarga baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas nikmat yang tidak terhingga sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Semoga sedikit ilmu yang termuat di dalam tesis akan terhitung sebagai amalan soleh yang akan memberatkan timbangan *mizān* pada hari akhirat kelak.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Prof Madya Dr Jasni bin Sulong selaku penyelia yang telah membimbing dan memberi tunjuk ajar tanpa mengenal erti putus asa. Tanpa bimbingan daripada beliau maka pasti pengkaji tidak mampu menyempurnakan penulisan tesis ini. Semoga beliau sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan beliau juga dikurniakan kesihatan untuk terus menabur bakti kepada ummah.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Selain itu, tidak lupa ucapan terima kasih buat Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi tajaan dan biasiswa sepanjang pengajian peringkat PhD. Jutaan terima kasih kepada ibu tercinta Khatijah binti Saad dan isteri tersayang Nor Kamaliah binti Basharuddin yang telah memberi kata-kata semangat dan dorongan serta irungan doa sepanjang penulisan tesis ini. Ibu mertua dan bapa mertua yang membantu secara langsung mahu pun tidak langusung sepanjang penulisan ini, jasa mereka sentiasa terpahat di sanubari. Begitu juga anak tercinta Muhammad Al Fateh dan Muhammad Al Fudhail yang menjadi sumber inspirasi untuk terus berjaya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Ustaz Ahmad Sahlan Hatim atas khidmat nasihat dan motivasi tidak akan dilupakan oleh pengkaji. Bantuan oleh

Ustaz Mohd Nor Adzhar bin Ibrahim dan rakan sekerja Puan Nur Hawariah binti Kamaluddin kepada pengkaji dalam usaha menyiapkan tesis akan sentiasa dikenang buat selama-lamanya.

Akhirnya pengkaji mengharapkan penulisan tesis ini dihitung sebagai amal soleh yang akan diganjari pahala oleh Allah SWT.

AFNAN FAIZ RIDZUAN BIN AHMAD
No 512, jalan Kenanga 7/9,
Persiaran Amanjaya 7,
08000 Bandar Amanjaya,
Sungai Petani,
KEDAH DARULAMAN

April 2022
Ramadan 1443H

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xix
SENARAI STATUT.....	xx
PANDUAN TRANSLITERASI	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxiii
ABSTRAK	xxvi
ABSTRACT.....	xxviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian.....	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Skop Kajian.....	9
1.8 Kajian Lepas	12
1.8.1 Konsep <i>Maṣlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> Dalam Penentuan Hukum	12
1.8.2 Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah.....	17
1.9 Metodologi Kajian	22
1.9.1 Pengumpulan Data	22
1.9.1(a) Metode Kajian Kepustakaan	23
1.9.1(b) Metode Temu bual	24
1.9.2 Analisis Data.....	28

1.9.2(a)	Metode Induktif.....	28
1.9.2(b)	Metode Deduktif	28
1.9.2(c)	Metode Historis (Persejarahan).....	29
1.9.2(d)	Metode Komparatif	29
BAB 2	KONSEP <i>MAŞLAHAH</i> DAN <i>MAFSADAH</i> SERTA PIAWAIANNYA	31
2.1	Pengenalan	31
2.2	Pengertian <i>Maşlahah</i>	31
2.2.1	Pengertian <i>Maşlahah</i> Sudut Bahasa.....	31
2.2.2	Pengertian <i>Maşlahah</i> Sudut Istilah Syarak	33
2.3	Pembahagian <i>Maşlahah</i>	36
2.3.1	Pembahagian <i>Maşlahah</i> Berdasarkan Pengiktirafan Syarak	36
2.3.1(a)	<i>Maşlahah Mu'tabarah</i>	37
2.3.1(b)	<i>Maşlahah Mulghāh</i>	40
2.3.1(c)	<i>Maşlahah Mursalah</i>	43
2.3.2	Pembahagian <i>Maşlahah</i> Berdasarkan Tahap Kepentingan.....	47
2.3.2(a)	<i>Darūriyyāt</i> (Kepentingan Asasi)	48
2.3.2(b)	<i>Hājiyyāt</i> (Keperluan Biasa).....	56
2.3.2(c)	<i>Tahsīniyyāt</i> (Keselesaan Hidup)	60
2.3.3	Pembahagian <i>Maşlahah</i> Berdasarkan <i>Ma'naviyah</i> (Abstrak) dan <i>Mādiyyah</i> (Material).....	66
2.3.4	Pembahagian <i>Maşlahah</i> dari Sudut Peringkat Hidup	70
2.3.5	Pembahagian <i>Maşlahah Āmmah</i> dan <i>Khāṣṣah</i>	73
2.3.6	<i>Maşlahah</i> dari Sudut Hukum <i>Taklīfī</i>	74
2.3.7	<i>Maslahah Qat'iyyah</i> , <i>Zanniyyah</i> dan <i>Wahamiyyah</i>	76
2.4	<i>Maşlahah</i> Sebagai Hujah Dalam Penentuan Hukum.....	78
2.4.1	Hujah Golongan Menerima <i>Maşlahah</i>	82
2.4.2	Hujah Golongan Menolak <i>Maşlahah</i>	89

2.4.3	<i>Tarjīh</i> antara Dua Pendapat.....	90
2.4.4	Hubungan <i>Maṣlahah</i> Dengan <i>Naṣ</i> dan <i>Ijmā'</i>	92
2.5	Pengertian <i>Mafsadah</i>	93
2.5.1	Pengertian <i>Mafsadah</i> Sudut Bahasa.....	93
2.5.2	Pengertian <i>Mafsadah</i> Sudut Istilah Syarak	94
2.6	Pembahagian <i>Mafsadah</i>	99
2.6.1	<i>Mafsadah Haqīqiyyah</i> dan <i>Mafsadah Majāziyyah</i>	99
2.6.2	<i>Mafsadah Wāqi'ah</i> dan <i>Mafsadah Mutawaqqi'ah</i>	100
2.6.3	<i>Mafsadah Maḥdah</i> dan <i>Mafsadah Mashūbah</i>	100
2.6.4	<i>Mafsadah</i> Dari Sudut Pahala dan Dosa.....	102
2.6.5	<i>Mafsadah Wādiyah</i> dan <i>Mafsadah Daqīqah</i>	103
2.6.6	<i>Mafsadah Sughrā</i> dan <i>Mafsadah Kubrā</i>	105
2.6.7	<i>Mafsadah Dunyawiyah</i> dan <i>Mafsadah Ukhrawiyah</i>	107
2.7	Garis Panduan Syarat Beramal dengan <i>Maṣlahah</i> dan <i>Mafsadah</i>	108
2.7.1	Pertentangan antara <i>Maṣlahah</i> dengan <i>Naṣ Qat'i</i>	109
2.7.2	Pertentangan antara <i>Maṣlahah</i> dengan <i>Naṣ Zanni</i>	110
2.7.3	Pertentangan antara <i>Maṣlahah</i> dengan <i>Ijmā'</i>	114
2.7.4	Pertentangan antara <i>Maṣlahah</i> dengan <i>Qiyās</i>	115
2.7.5	Pertentangan antara Sesama <i>Maṣlahah</i>	115
2.7.6	Pertentangan antara Sesama <i>Mafsadah</i>	121
2.7.7	Pertentangan antara <i>Maṣlahah</i> dan <i>Mafsadah</i>	128
2.8	Konsep <i>Sadd al-Zari'ah</i>	131
2.8.1	Pengertian <i>Sadd al-Zari'ah</i>	132
2.8.2	Jenis-jenis <i>Sadd al-Zari'ah</i>	133
2.8.3	<i>Sadd al-Zari'ah</i> Sebagai Hujah Dalam Penentuan Hukum	134
2.8.4	Hubungan antara <i>Sadd al-Zari'ah</i> dan Menolak <i>Mafsadah</i>	137

BAB 3 AKTIVITI KOKURIKULUM DAN PELAKSANAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KPM.....	139
3.1 Pengenalan	139
3.2 Pengertian Kokurikulum	139
3.3 Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum.....	142
3.3.1 Punca Kuasa Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum	144
3.3.2 Peruntukan Masa Kokurikulum	148
3.3.3 Unit-Unit di bawah Pengurusan Kokurikulum	151
3.3.3(a) Badan Beruniform	152
3.3.3(b) Sukan Permainan.....	154
3.3.3(c) Kelab Persatuan.....	156
3.3.4 Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum.....	159
3.3.4(a) Guru Penolong Kanan Kokurikulum	160
3.3.4(b) Setiausaha Kokurikulum	164
3.3.4(c) Penyelaras Kelab Persatuan, Sukan Permainan dan Badan Beruniform	165
3.3.4(d) Guru Penasihat Kelab Persatuan	167
3.3.4(e) Guru Penasihat Sukan Permainan	169
3.3.4(f) Guru Penasihat Unit Beruniform	172
3.3.4(g) Jawatankuasa dalam Kalangan Pelajar.....	173
3.4 Kepentingan Kokurikulum.....	175
3.4.1 Meningkatkan Disiplin.....	176
3.4.2 Membentuk Pelajar Seimbang	181
3.4.3 Memupuk Kemahiran Hidup	187
3.4.4 Meningkatkan Daya Pemikiran Kreatif dan Kritis	189
3.5 Prosedur Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum.....	190
3.5.1 Penubuhan Kelab Persatuan.....	190
3.5.2 Pengurusan Kelab Persatuan.....	193

3.5.3	Pengurusan Sukan Sekolah	195
3.5.4	Pengurusan Hari Kokurikulum Sekolah	196
3.6	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	199
BAB 4	ANALISIS ELEMEN <i>MAŞLAHAH</i> DAN <i>MAFSADAH</i> DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH	201
4.1	Pengenalan	201
4.2	Latar Belakang Lokasi Kajian.....	201
4.3	Profil Responden Kajian	203
4.4	Analisis <i>Maşlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> dalam aktiviti kokurikulum	206
4.5	<i>Maşlahah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Unit Beruniform	206
4.5.1	Perkhemahan Tahunan	209
4.5.2	Kawad kaki	237
4.5.3	Seni Bela Diri.....	243
4.6	<i>Maşlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Kelab Persatuan	255
4.6.1	Perjumpaan Mingguan dan Pertandingan antara Sekolah	255
4.6.2	Lawatan Sambil Belajar	268
4.6.3	Program Kerohanian	283
4.7	<i>Maşlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Sukan Permainan	293
4.7.1	Merentas Desa.....	294
4.7.2	Kejohanan Sukan Tahunan	308
4.7.3	Aktiviti 1 Murid 1 Sukan (1M1S).....	325
4.7.3(a)	Kelab Renang	344
4.8	<i>Maşlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Kategori Sekolah.....	353
4.8.1	Kategori Sekolah Menengah Harian dan Sekolah Berasrama	353
4.8.2	Kategori Bandar dan Luar Bandar	358

4.8.3	Kategori Sekolah Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama	363
4.8.4	Kategori Sekolah Kluster Cemerlangan dan Sekolah Berprestasi Tinggi	374
BAB 5	RUMUSAN DAN SARANAN.....	382
5.1	Pengenalan	382
5.2	Rumusan Hasil Kajian	382
5.3	Saranan Kajian	392
5.3.1	Saranan kepada KPM.....	392
5.3.2	Saranan kepada JPN Kedah	393
5.3.3	Saranan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	394
5.3.4	Saranan kepada Pentadbiran Sekolah	395
5.3.5	Saranan kepada guru-guru	396
BIBLIOGRAFI	397	
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	7
Jadual 3.1 Peruntukan Masa Aktiviti Kokurikulum Untuk Sekolah Rendah	148
Jadual 3.2 Peruntukan Masa Aktiviti Kokurikulum Untuk Sekolah Menengah.....	149
Jadual 3.3 Peruntukan Kewangan Untuk Kokurikulum Sekolah Rendah	161
Jadual 3.4 Peruntukan Kokurikulum Sekolah Menengah	162
Jadual 4.1 Latar belakang Institusi Pendidikan yang Terlibat	202
Jadual 4.2 Profil Responden Kajian	203
Jadual 4.3 Pengalaman dan Kepakaran Responden Kajian.....	204
Jadual 4.4 Badan Beruniform.....	207
Jadual 4.5 Mengisi borang kebenaran waris	213
Jadual 4.6 Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Pelaksanaan Perkhemahan Tahunan	214
Jadual 4.7 Pertukaran Pelajar Tanpa Pengetahuan Guru	216
Jadual 4.8 Yuran Penyertaan.....	218
Jadual 4.9 Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Pemilihan Tapak Perkhemahan Tahunan	219
Jadual 4.10 Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> dalam Pemilihan Tapak Perkhemahan Tahunan.....	221
Jadual 4.11 Latihan Sebagai Imam	221
Jadual 4.12 Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Aktiviti Kerohanian semasa Perkhemahan Tahunan	222
Jadual 4.13 Pengisian semasa Perkhemahan.....	222
Jadual 4.14 Khidmat Jurulatih.....	226
Jadual 4.15 Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Khidmat Jurulatih Luar	226

Jadual 4.16	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> dalam Khidmat Jurulatih Luar	227
Jadual 4.17	Khidmat Penunjuk Arah	227
Jadual 4.18	Aktiviti Air.....	229
Jadual 4.19	Kelakuan kurang sopan.....	230
Jadual 4.20	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> semasa Persembahan Pelajar.....	230
Jadual 4.21	Kejadian Histeria	233
Jadual 4.22	Pengasingan Tapak Perkhemahan.....	234
Jadual 4.23	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Pengasingan Tapak Penginapan	235
Jadual 4.24	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> dalam Pengasingan Tapak Penginapan	235
Jadual 4.25	Peranan Guru Pengiring	236
Jadual 4.26	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Pelaksanaan Kawad Kaki.....	238
Jadual 4.27	Cuaca Panas	239
Jadual 4.28	Pemilihan Waktu Latihan	239
Jadual 4.29	Latihan Bawah Kawasan Berbumbung.....	241
Jadual 4.30	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> dalam Latihan Bawah Kawasan Berbumbung	242
Jadual 4.31	Pelajar yang kurang sihat	242
Jadual 4.32	Tiada Unsur Pemujaan	245
Jadual 4.33	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Aktiviti Kelab Seni Bela Diri.....	246
Jadual 4.34	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> semasa Persembahan Pelajar.....	246
Jadual 4.35	Kes Buli	248
Jadual 4.36	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> semasa Persembahan Pelajar.....	248
Jadual 4.37	Elemen Kerohanian.....	249
Jadual 4.38	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Penerapan Nilai Murni semasa Aktiviti Kelab Seni Bela Diri	250

Jadual 4.39	Persembahan Kebudayaan	251
Jadual 4.40	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> semasa Persembahan Kebudayaan.....	251
Jadual 4.41	Prasyarat sebagai Jurulatih.....	252
Jadual 4.42	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> dalam Prasyarat sebagai Jurulatih.....	253
Jadual 4.43	Keberadaan Guru Sepanjang Latihan	254
Jadual 4.44	Kebersamaan Guru.....	256
Jadual 4.45	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> Akibat Ketiadaan Guru.....	257
Jadual 4.46	Latihan Sebelah Malam	260
Jadual 4.47	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Latihan Sebelah Malam	261
Jadual 4.48	Latihan Intensif	261
Jadual 4.49	Latihan Sehingga Awal Pagi.....	262
Jadual 4.50	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> Akibat Latihan Sehingga Awal Pagi.....	263
Jadual 4.51	Kelas Tambahan.....	263
Jadual 4.52	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Kelas Tambahan	264
Jadual 4.53	Usaha Berganda Pelajar	265
Jadual 4.54	Pemantauan Ketat oleh Guru	265
Jadual 4.55	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> Hasil Pemantau Ketat oleh Guru	266
Jadual 4.56	Pengasingan Pelajar Semasa Latihan.....	267
Jadual 4.57	Tindakan Disiplin.....	268
Jadual 4.58	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Prosedur Pengajuran Lawatan Sambil Belajar	269
Jadual 4.59	Tempat Lawatan Yang Memberi Manfaat	271
Jadual 4.60	Lokasi Lawatan	272
Jadual 4.61	Pengangkutan Berdaftar	273

Jadual 4.62	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Peraturan Pengangkutan Berdaftar	274
Jadual 4.63	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> daripada Peraturan Pengangkutan Berdaftar	275
Jadual 4.64	Guru Pengiring Perempuan	275
Jadual 4.65	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Guru Pengiring Perempuan	276
Jadual 4.66	Kuota Guru Pengiring	276
Jadual 4.67	Lawatan Luar Negara	277
Jadual 4.68	Masa Pergerakan	278
Jadual 4.69	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Peraturan Masa Pergerakan	278
Jadual 4.70	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Peraturan Tempoh Hari Lawatan	279
Jadual 4.71	Pengawasan Oleh Guru Pengiring	280
Jadual 4.72	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Pengawasan Oleh Guru Pengiring	281
Jadual 4.73	Etika Berpakaian	281
Jadual 4.74	Laporan Polis	282
Jadual 4.75	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> daripada Laporan Polis	282
Jadual 4.76	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Penubuhan Persatuan Bukan Islam	284
Jadual 4.77	Perarakan <i>Maulidur Rasul</i>	286
Jadual 4.78	Pertimbangan Berkaitan Risiko	287
Jadual 4.79	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Pertimbangan Berkaitan Risiko	287
Jadual 4.80	Keselamatan Pelajar	288
Jadual 4.81	Elemen-Elemen Menolak <i>Mafsadah</i> daripada Mengawal Keselamatan Pelajar	289
Jadual 4.82	Pakaian Ahli Kumpulan Nasyid	292

Jadual 4.83	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Pakaian Ahli Kumpulan Nasyid	292
Jadual 4.84	Pemakluman kepada Polis	295
Jadual 4.85	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Pemakluman kepada Polis.....	296
Jadual 4.86	Tugas Pengawal Keselamatan.....	297
Jadual 4.87	Pemakluman kepada Pemilik Ladang	298
Jadual 4.88	Bantuan Kecemasan.....	299
Jadual 4.89	Elemen-Elemen Penolakan <i>Mafsadah</i> daripada Bantuan Kecemasan	299
Jadual 4.90	Pelajar Bermasalah Kesihatan.....	300
Jadual 4.91	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Penglibatan Pelajar Bermasalah Kesihatan.....	301
Jadual 4.92	Pelaksanaan Seramrobik	303
Jadual 4.93	Elemen-Elemen Penolakan <i>Mafsadah</i> daripada Pelaksanaan Seramrobik	303
Jadual 4.94	Pemilihan Jurulatih	305
Jadual 4.95	Susunan Pelajar Semasa Senamrobik	306
Jadual 4.96	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Susunan Pelajar Semasa Senamrobik	306
Jadual 4.97	Elemen-Elemen Penolakan <i>Mafsadah</i> daripada Susunan Pelajar Semasa Senamrobik	307
Jadual 4.98	Kondisi Padang	308
Jadual 4.99	Kondisi Peralatan Sukan	309
Jadual 4.100	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Kondisi Peralatan Sukan.....	309
Jadual 4.101	Pelajar Melintas Jalan	311
Jadual 4.102	Elemen-Elemen Penolakan <i>Mafsadah</i> daripada Pelajar Melintas Jalan	311
Jadual 4.103	Penyediaan Minuman kepada pelajar	312
Jadual 4.104	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Penyediaan Minuman kepada pelajar.....	313

Jadual 4.105	Latihan Semasa Hujan	314
Jadual 4.106	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Larangan Latihan Semasa Hujan.....	314
Jadual 4.107	Kebenaran Guru	315
Jadual 4.108	Pemantauan Guru Semasa Latihan	316
Jadual 4.109	Implikasi Tanpa Pemantauan Guru.....	316
Jadual 4.110	Mendapatkan rawatan	318
Jadual 4.111	Latihan Sukan	319
Jadual 4.112	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Latihan Sukan.....	320
Jadual 4.113	Pengasingan Tempat Duduk	321
Jadual 4.114	Ketua Guru Rumah Sukan	321
Jadual 4.115	Acara yang dipertandingkan	323
Jadual 4.116	Doa Penyokong	324
Jadual 4.117	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Doa Penyokong	324
Jadual 4.118	Belajar Berkaitan Peraturan Pertandingan	325
Jadual 4.119	Tiada Latihan Semasa Waktu Pembelajaran dan Pengajaran	326
Jadual 4.120	Tanggungjawab Guru Penasihat	327
Jadual 4.121	Kejadian Luar Jangkaan.....	328
Jadual 4.122	Tindakan Pantas	329
Jadual 4.123	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Tindakan Pantas.....	329
Jadual 4.124	Kecederaan Semasa Latihan Sukan	330
Jadual 4.125	Makluman Kepada Waris	331
Jadual 4.126	Pakaian Lengkap Semasa Bersukan.....	331
Jadual 4.127	Ketinggalan Dalam Pelajaran.....	332
Jadual 4.128	Kemerosotan Akademik.....	333
Jadual 4.129	Kepadatan Aktiviti Kokurikulum	333
Jadual 4.130	Program Pemantapan Akademik.....	334

Jadual 4.131	Biasiswa Untuk Atlet	335
Jadual 4.132	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Biasiswa Untuk Atlet.....	336
Jadual 4.133	Solat Asar.....	336
Jadual 4.134	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Solat Asar	337
Jadual 4.135	Solat Maghrib.....	338
Jadual 4.136	Elemen-Elemen <i>Mafsadah</i> Akibat Tidak Menunaikan Solat Maghrib.....	339
Jadual 4.137	Etika Pemakaian Atlet.....	340
Jadual 4.138	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Etika Pemakaian Atlet.....	340
Jadual 4.139	Etika Pelajar Agama	341
Jadual 4.140	Menutup Aurat Semasa Bersukan.....	342
Jadual 4.141	Pakaian Kokurikulum	342
Jadual 4.142	Tudung Labuh Semasa Bersukan.....	343
Jadual 4.143	Jurulatih Lelaki	345
Jadual 4.144	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Pemilihan Jurulatih Sama Jantina	345
Jadual 4.145	Jadual Latihan Renang	348
Jadual 4.146	Pakaian Renang.....	349
Jadual 4.147	Kategori Sekolah Berasrama dan Sekolah Harian	354
Jadual 4.148	Persamaan dalam pelaksanaan aktiviti di bawah kelab persatuan	355
Jadual 4.149	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Persamaan dalam Pelaksanaan Aktiviti di bawah Kelab Persatuan.....	355
Jadual 4.150	Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum.....	356
Jadual 4.151	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum.....	356
Jadual 4.152	Kategori Sekolah Bandar dan Luar Bandar	358
Jadual 4.153	Persamaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Merentas Desa	359

Jadual 4.154	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Persamaan Dalam Pelaksanaan Aktiviti Merentas Desa.....	360
Jadual 4.155	Perbezaan dalam Pelaksanaan Acara Merentas Desa	361
Jadual 4.156	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Pelaksanaan Acara Merentas Desa.....	361
Jadual 4.157	Kategori Sekolah Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama	363
Jadual 4.158	Persamaan dalam Pelaksanaan Perkhemahan Tahunan	364
Jadual 4.159	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Persamaan dalam Pelaksanaan Perkhemahan Tahunan	365
Jadual 4.160	Perbezaan dalam Pelaksanaan Perkhemahan Tahunan	366
Jadual 4.161	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Pelaksanaan Perkhemahan Tahunan	367
Jadual 4.162	Persamaan dalam Pelaksanaan Kejohanan Sukan Tahunan.....	368
Jadual 4.163	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Persamaan dalam Pelaksanaan Kejohanan Sukan Tahunan.....	369
Jadual 4.164	Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Sukan Permainan	370
Jadual 4.165	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Sukan Permainan	370
Jadual 4.166	Kategori Sekolah Kluster Kecemerlangan, Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Biasa	374
Jadual 4.167	Persamaan dalam Penganjuran Lawatan Sambil Belajar.....	376
Jadual 4.168	Elemen-elemen <i>maslahah</i> daripada Persamaan dalam Penganjuran Lawatan Sambil Belajar	376
Jadual 4.169	Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Kelab Persatuan	377
Jadual 4.170	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Pelaksanaan Aktiviti Kelab Persatuan	378
Jadual 4.171	Perbezaan dalam Aktiviti Kokurikulum	380
Jadual 4.172	Elemen-Elemen <i>Maslahah</i> daripada Perbezaan dalam Aktiviti Kokurikulum.....	380
Jadual 5.1	Pemeliharaan <i>Maslahah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Kedah	389

Jadual 5.2	Penolakan <i>Mafsaadah</i> dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Kedah	390
------------	--	-----

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 3.1 Carta Kokurikulum 159

SENARAI STATUT

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)

Akta Pelajaran 1956, Kementerian Pendidikan Malaysia 1985

Akta Pendidikan 1966, Akta 550

Dasar Pendidikan Kebangsaan 1996

Ordinan Pelajaran 1957

Perakuan-Perakuan Laporan Kabinet 1979 (Perakuan 75)

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998

Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D)

Akta Pendidikan 1996

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ء, ا	alif	'a
ب	bā'	b
ت	tā'	t
ث	thā'	th
ج	jīm	j
ح	ḥā'	h
خ	khā'	kh
د	dāl	d
ذ	dhāl	dh
ر	rā'	r
ز	zay	z
س	sīn	s
ش	shīn	sh
ص	sād	s
ض	ḍād	ḍ
ط	ṭā'	ṭ
ظ	ẓā'	ẓ
ع	‘ayn	‘a
غ	ghayn	gh
ف	fā'	f
ق	qāf	q
ك	kāf	k
ل	lām	l
م	mīm	m
ن	nūn	n
ه	hā'	h
و	waw	w
ي	yā'	y
ة	tā' marbūtah	ẗ

Vokal

Transliterasi	Vokal Pendek
A	(<i>Fathah</i>) ـ
I	(<i>Kasrah</i>) ـ
U	(<i>Dammah</i>) ـ

Transliterasi	Vokal Panjang
Ā	ا
Ī	ي
Ū	و

Diftong

Transliterasi	Diftong
Aw	ـ و
Ay	ـ ي
Uww	ـ وو
iyy/ī	ـ يـ

Sumber: Jawatankuasa Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

SENARAI SINGKATAN

1 M 1 S	1 Sukan 1 Murid
AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
AJK	Ahli Jawatankuasa
Bil.	Bilangan
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
CTR	Cuti Tanpa Rekod
ed.	editor
<i>et al.</i>	<i>Et alia</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
GPKKo	Guru Penolong Kanan Kokurikulum
html	<i>Hypertext Markup Language</i>
http	<i>Hypertext Transfer Protocol</i>
<i>ibid.</i>	<i>Ibidem</i> , bermaksud pada rujukan yang sama seperti sebelumnya/rujukan yang berturut
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jil.	Jilid
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat

MISS	Majlis Ihtifal Sekolah-Sekolah
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
MUET	<i>Malaysia University English Test</i>
No.	Nombor
<i>op.cit.</i>	<i>Opere citato</i> , bermaksud bahan yang sama yang sudah dirujuk sebelum ini
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PESAKA	Persekutuan Silat Kebangsaan
PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RA	<i>Radiya Allah ‘anhu</i>
RM	Ringgit Malaysia
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAW	<i>Sallā Allah ‘alaihi wa sallam</i>
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SKK	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMM	Sekolah Milik Masyarakat
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia

SUMUR	Program Sahsiah Unggul Murid
SWT	<i>Subḥānahu wa ta‘ālā</i>
<i>t.p</i>	Tanpa Penerbit
t.t	Tanpa Tarikh
t.t.p	Tanpa Tempat Penerbitan
terj.	Terjemahan
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
UA	Universiti Awam
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	Volume
www	<i>Word Wide Web</i>

**ANALISIS ELEMEN *MAŞLAHAH* DAN *MAFSADAH* DALAM
PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH TERPILIH DI NEGERI KEDAH**

ABSTRAK

Kurikulum kebangsaan terdiri daripada sesi pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah serta aktiviti kokurikulum. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum bertujuan untuk mengukuhkan pembelajaran dalam kelas dan menyediakan pelbagai pengalaman menarik kepada para pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah iaitu pelaksanaan aktiviti yang tidak selari dengan syariah dan bercanggah dengan *maqāṣid al-shari’ah* sehingga berlaku kemalangan dan membahayakan nyawa pelajar. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menyelidik konsep *maşlahah* dan *mafsadah* di sisi syarak, di samping mengkaji perkembangan penggubalan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah serta mengenal pasti elemen *maşlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum terpilih di sekolah. Pengkaji telah menggunakan kajian kepustakaan dan kajian lapangan dalam mengumpulkan data. Kajian lapangan ini melibatkan 8 buah sekolah menengah milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terletak dalam negeri Kedah. Pengumpulan data dengan menggunakan metode temu bual secara separa berstruktur telah melibatkan 17 orang responden. Hasil kajian menunjukkan terdapat elemen merealisasikan *maşlahah* dan mengelak *mafsadah* dalam pelaksanaan semua aktiviti kokurikulum sama ada di bawah unit badan beruniform, sukan permainan dan kelab persatuan. Kajian juga mendapati sekolah berasrama mempunyai masa yang lebih panjang iaitu aktiviti kokurikulum boleh dilaksanakan pada sebelah malam. Begitu juga sekolah dalam kategori bandar

mempunyai kemudahan insfrastruktur yang lebih baik berbanding sekolah yang terletak di luar bandar. Sekolah aliran agama pula memberi penekanan yang lebih kepada aspek batas pergaulan pelajar lelaki dan perempuan semasa aktiviti kokurikulum daripada sekolah bukan aliran agama. Manakala Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) pula melaksanakan lawatan ke luar negara berbanding sekolah-sekolah biasa yang hanya menganjurkan lawatan dalam negara sahaja.

**THE ANALYSIS OF *MASLAHAH* AND *MAFSADAH* ELEMENTS IN THE
IMPLEMENTATION OF CO-CURRICULUM ACTIVITIES IN SELECTED
SECONDARY SCHOOLS IN KEDAH**

ABSTRACT

The national curriculum consists of learning and teaching sessions in classrooms as well as co-curricular activities. The implementation of co-curricular activities aims to strengthen learning in the classroom and provide a variety of interesting experiences to students. However, there are several issues in the implementation of co-curricular activities in schools, in which the implementation of the activities is not in line with *sharia* and contradicts with *maqāṣid al-shari‘ah* that causes accidents to occur and endanger the lives of students. Therefore, this study has been conducted to investigate the concept of *maṣlaḥah* and *mafsadah* on the side of syarak, review the drafting development and implementation of co-curricular activities in schools as well as identify the elements of *maṣlaḥah* and *mafsadah* in the implementation of selected co-curricular activities in schools. The researcher has used both library and field studies in collecting data. This field study involved 8 secondary schools owned by the Ministry of Education Malaysia (KPM) located in the state of Kedah. The data collection which uses a semi-structured interview method has involved 17 respondents. The findings showed there has been an element of realising *maṣlaḥah* and avoiding *mafsadah* in the implementation of all co-curricular activities either under the uniformed bodies, sports games or club associations. The study also found that boarding schools have a longer time where co-curricular activities can be carried out in the evening. In addition, schools in the urban areas have better infrastructure facilities than schools located in rural areas. Besides, religious schools

have put on more emphasis on the social boundaries between male and female students during co-curricular activities than non-religious schools. Meanwhile, the High Achieving Schools (SBT) conduct field trips abroad compared to ordinary schools that organise domestic field trips only.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai struktur penyelidikan yang akan dilakukan oleh pengkaji. Perbahasan akan dimulai dengan latar belakang kajian. Secara umum pengkaji akan menghuraikan berkaitan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah yang merupakan sebahagian daripada proses pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan aktiviti kokurikulum merupakan pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Seterusnya, masalah kajian akan dihuraikan secara mendalam sehingga jelas menunjukkan penyelidikan ini perlu dilakukan. Semua masalah kajian akan dibentangkan secara terperinci beserta dengan justifikasi bagi setiap masalah. Selepas itu, objektif akhir bagi penyelidikan ini dan persoalan kajian akan dijelaskan dengan sebaik mungkin. Kepentingan kajian yang menyeluruh meliputi pelbagai pihak akan dinyatakan dalam bab ini. Untuk mengukuhkan lagi bab ini, pengkaji akan memuatkan skop kajian dan kajian-kajian lepas berpandukan tema-tema seperti *maṣlahah* dan *mafsadah*, *maqāṣid al-shari‘ah* dan aktiviti kokurikulum di sekolah. Kajian-kajian lepas ini akan menunjukkan wujudnya jurang antara penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji dengan kajian-kajian sebelum ini.

Akhir sekali, bab ini akan memuatkan berkaitan metodologi kajian yang merangkumi metodologi mengumpul data dan metodologi menganalisis data.

1.2 Latar Belakang

Pendidikan adalah proses berterusan dalam membentuk pelajar menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Pelajar bukan hanya melalui proses pembelajaran bersifat akademik di dalam kelas sahaja. Namun mereka juga perlu menjalani aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah.

Pendidikan Kebangsaan mengimpikan generasi pelajar yang berketrampilan dan berakhhlak mulia. Mereka merupakan generasi muda yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Sebagai pemimpin pelapis, semua pelajar hendaklah memiliki karektor unggul sekaligus mampu memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara¹. Semua elemen positif ini diharapkan dapat dipupuk menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah.

Aktiviti kokurikulum adalah kesinambungan dan pengukuhan kepada program atau aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah. Aktiviti pembelajaran dalam kelas adalah bersifat kurikulum berdasarkan mata pelajaran tertentu². Gerak kerja kokurikulum pula akan menyediakan pelbagai pengalaman pembelajaran kepada pelajar-pelajar dan gerak kerja tersebut boleh dilaksanakan di luar bilik darjah³.

Aktiviti kokurikulum wajib disertai oleh semua pelajar sama ada yang belajar di sekolah kerajaan mahu pun swasta dan persendirian. Penyertaan tersebut melibatkan murid sekolah rendah bermula dari darjah tiga sehingga pelajar tingkatan 6 untuk

1 Akta Pendidikan 1966, Akta 550

2 Ab. Halim Abdul Rahim (1999), Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1

3 Sumarni Dahri dan Borhan Yusof (2002), “Matlamat dan Implikasi Kokurikulum Terhadap Pelajar,” dalam Kokurikulum, Peranan dan Implikasi, ed. Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan borhan Yusof. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 15

peringkat sekolah menengah. Aktiviti kokurikulum yang dimaksudkan merangkumi unit beruniform, kelab persatuan dan sukan permainan.

Pihak pentadbiran sekolah boleh menjalankan pelbagai jenis aktiviti kokurikulum berdasarkan kesesuaian dan kemudahan yang terdapat di sekolah tersebut. KPM mencadangkan 19 jenis unit beruniform dan pakaian seragam, 12 kelab akademik, 31 persatuan berasaskan hobi dan rekreasi, 24 jenis sukan, 6 jenis olahraga dan 11 jenis sukan air yang boleh diurus, dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru⁴. Semua aktiviti ini berperanan dalam membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Daya kepimpinan juga mampu dipupuk melalui aktiviti kokurikulum di sekolah. Sifat berani berada di depan khalayak antara sifat yang tertonjol apabila seseorang pelajar itu bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum akan mendapat merit untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Semua ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK):

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”⁵

⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia (t.t), Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah dan Menengah, 27-29

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), *Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, iii.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dilihat tidak selari dengan syariah seperti pelajar tidak menutup aurat dengan sempurna semasa aktiviti sukan dan permainan⁶. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut mengandungi *mafsadah* selain daripada *maṣlahah*. Ini menimbulkan persoalan, sejauhmanakah pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dirangka ini selari dengan prinsip *maqāsid al-shari‘ah* yang bukan semata-mata mementingkan penjagaan kesihatan malah penjagaan agama, maruah dan keturunan juga perlu diberi perhatian.

Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah perlu mengambil langkah-langkah keselamatan sama ada aktiviti tersebut diadakan dalam kawasan sekolah atau pun di luar kawasan sekolah. Perkara ini berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1/1995. Namun begitu terdapat juga insiden yang tidak diingini telah berlaku semasa pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti pelajar dihempap palang gol, pelajar terlanggar tiang gol, pelajar terkena lontaran peluru dan kejadian pelajar terjatuh ke dalam tangki najis⁷. Begitu juga isu-isu yang berlaku dalam aktiviti lasak seperti perkhemahan, *jungle tracking*, berbasikal dan mendaki gunung yang mengandungi unsur-unsur *mafsadah* dan *maṣlahah*. Malah telah berlaku beberapa tragedi yang telah menimpa pelajar sekolah ketika mereka menyertai aktiviti kokurikulum seperti yang dilaporkan oleh media. Antaranya berita tiga orang pelajar SMK Putatan, Sabah dilaporkan telah mati lemas ketika mereka menjalani perkhemahan bersama 120 pelajar yang lain⁸. Dalam kejadian di SMK Tuanku Abd Rahman, Gemas, Tampin, seorang pelajar perempuan tingkatan dua telah mati akibat

6 Nur ‘Izzah Jainudin dan A’dawiyah Ismail (2018). Faktor Pengetahuan Amalan Batas Aurat dan Pergaulan Remaja Perempuan SMK Titingan Tawau Sabah. Jurnal Hadhari 10(2), 141-158

7 Noorasikin Ismail, Zainal Abidin Zainuddin dan Halijah (2018). Komitmen Terhadap Keselamatan Aktiviti Luar dan Berisiko dalam Pendidikan. Sains Humanika 10: 3-2, 57-66

8 “Mati Lemas Ketika Perkhemahan”, laman sesawang Utusan Online, 27 April 2017

pisau traktor telah terbang dan mengena mangsa yang sedang mengikuti latihan sukan di padang sekolah. Manakala dua orang rakan mangsa telah cedera dan mereka telah mendapat rawatan di hospital berhampiran⁹. Dalam tragedi pada 3 Mac 2018 pula, 11 orang pelajar bersama seorang guru wanita telah sesat ketika sedang mendaki bukit. Mereka bersama 90 orang pelajar yang lain sedang mengikuti perkhemahan selama tiga hari dua malam.¹⁰.

Sesuatu kejadian yang berlaku memang di luar jangkaan dan bersifat kemalangan. Kejadian-kejadian ini juga memaparkan walaupun prosedur pengurusan telah disediakan oleh pihak KPM semasa dan selepas aktiviti kokurikulum, namun kadang-kala kes seperti ini masih berlaku. Selain itu, penglibatan aktif pelajar-pelajar dalam aktiviti kokurikulum terutamanya sukan menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan kelas formal dalam bilik darjah. Ini kerana jadual latihan dan pertandingan kadang-kala bertembung dengan waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Penyertaan mereka pada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa menyebabkan mereka terpaksa memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti kokurikulum. Dalam masa yang sama, tuntutan akademik kepada mereka adalah sama seperti pelajar-pelajar yang lain iaitu mereka juga perlu menduduki peperiksaan peringkat sekolah dan juga peperiksaan awam¹¹. Selain itu, tidak dapat dipastikan sejauhmana elemen merealisasikan *maslahah* dan menolak *mafsadah* diaplikasikan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti-aktiviti ini agar tidak berlaku kecinciran akademik kepada pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dalam

9 “Pelajar Maut, Pisau Traktor Mesin Rumput Melayang”, laman sesawang Berita Harian(BH) Online, 13 Februari 2018.

10 11 Pelajar, Guru Wanita Cemas Sesat Hampir 9 Jam di dalam Hutan Simpan Kekal Sg Pinang”, laman sesawang Kosmo Online, 3 Mac 2018.

11 Radhiah Muda & Ahmad Zabidi Abdul Razak (2017). Pengurusan Paradoks Dalam Menyeimbangkan Tanggungjawab Akademik dan Penglibatan Sukan Golongan Murid Atelt. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil 4, Isu 2, 21-38

kokurikulum. Dalam Islam, mencegah sesuatu adalah lebih baik daripada mengubati atau merawat. Justeru, kajian terperinci diperlukan bagi mengenal pasti elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Daripada permasalahan di atas, penyelidikan ini mempunyai beberapa tujuan seperti berikut:

1. Mengkaji perkembangan penggubalan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Mengenalpasti elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah melalui analisis mendalam terhadap aktiviti-aktiviti terpilih.
3. Menganalisis perbezaan elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum antara sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Kedah.

Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
<p>1 Mengkaji perkembangan pengubalan dan pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p>	<p>i Bagaimanakah pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah-sekolah bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia?</p> <p>ii Sejauh manakah pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah menengah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?</p>
<p>2 Mengenalpasti elemen <i>maṣlaḥah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah melalui analisis mendalam terhadap aktiviti-aktiviti terpilih.</p>	<p>iii Apakah kedudukan pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah dari perspektif <i>maqāṣid al-shari‘ah</i>?</p> <p>iv Apakah elemen <i>maṣlaḥah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah?</p>
<p>3 Menganalisis perbezaan elemen <i>maṣlaḥah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum antara sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Kedah.</p>	<p>v Apakah persamaan elemen <i>maṣlaḥah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum antara sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Kedah?</p> <p>vi Apakah perbezaan elemen <i>maṣlaḥah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum antara sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Kedah?</p>

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting malah keperluannya relevan terutama pada zaman globalisasi ini. Kajian ini akan mendedahkan mengenai konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut ulama *uṣūl al-fiqh*. Perincian ini sangat penting kerana perkara ini akan menjadi panduan kepada semua pihak agar semua aktiviti kurikulum selaras dengan *maqāṣid al-shari‘ah*. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis semua elemen *maṣlaḥah* dan *mafsadah* yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum. Secara tuntasnya, kajian ini sangat penting kerana hasil dapatan ini akan menjadi:

1. Panduan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM untuk membuat garis panduan berkaitan aktiviti kokurikulum yang bertepatan dengan *maqāṣid al-shari‘ah*.
2. Panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir sekolah serta guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua murid.
3. Pendedahan kepada guru Pendidikan Islam (GPI) dalam memberi gambaran yang jelas dan kefahaman yang tepat kepada semua warga sekolah berkaitan kedudukan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dari perspektif *maṣlahah* dan *mafsadah*.
4. Membantu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menentukan hala tuju aktiviti kokurikulum dalam dasar pendidikan kebangsaan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepadauraian masalah tersebut, timbul beberapa persoalan yang ingin dirungkai iaitu:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut perspektif ulama *uṣūl al-fiqh*?
2. Apakah garis panduan syarat beramal dengan *maṣlahah* dan *mafsadah*?
3. Bagaimanakah pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia?

4. Sejauh manakah pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?
5. Apakah kedudukan Garis Panduan Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah dari perspektif *maṣlahah* dan *mafsadah*?
6. Adakah wujud elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah

1.7 Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada analisis elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Analisis elemen ini dibuat dengan merujuk kepada teori umum *maṣlahah* dan *mafsadah* yang akan telah diaplikasikan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum peringkat sekolah menengah. Fokus ini kerana *maṣlahah* dan *mafsadah* adalah bersifat subjektif dan dinamik iaitu bergantung kepada faktor-faktor lain seperti perkembangan dalam dunia pendidikan dan sosio budaya sesuatu masyarakat. Justeru, kajian ini ingin melihat sejauh mana aktiviti kokurikulum menerapkan elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* iaitu membawa kepada kebaikan dan menolak kemudaratan khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah.

Dari aspek batasan bidang pula, kajian ini hanya akan memberi penekanan kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah menengah sahaja iaitu daripada tingkatan satu hingga enam. Pengkaji tidak akan menganalisis berkaitan pelaksanaan aktiviti kokurikulum pada peringkat sekolah rendah iaitu untuk murid darjah tiga hingga darjah enam. Justifikasi skop sebegini kerana waktu pelaksanaan aktiviti kokurikulum untuk pelajar sekolah menengah adalah lebih lama berbanding

murid sekolah rendah¹². Selain itu, peruntukan kewangan untuk sekolah menengah juga adalah lebih besar berbanding sekolah rendah¹³. Dengan peruntukan kewangan yang lebih besar dan peruntukan waktu yang lebih panjang menyebabkan pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah menengah adalah lebih banyak dan menyeluruh.

Sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian ini hanya terhad kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran KPM iaitu sekolah harian, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Penyelidik memilih Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja sebagai sekolah yang terlibat dalam kategori sekolah harian. Ini kerana SMK mempunyai persamaan dan tidak berbeza dengan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) kerana kedua-duanya berada di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM. Pelajar SMK juga tidak terhad kepada pelajar beragama Islam sahaja tetapi terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Sekolah Menengah Teknik juga tidak terlibat dengan kajian ini kerana peruntukan waktu aktiviti kurikulum adalah berbeza dan lebih pendek berbanding sekolah-sekolah dalam kategori tersebut¹⁴. Selain itu, Sekolah Menengah Teknik hanya terdapat di bandar sahaja dan tidak terdapat di kawasan luar bandar. Ini berbeza dengan sekolah-sekolah lain yang terdapat dalam kategori bandar dan luar bandar. Sekolah Menengah Teknik pula terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima sahaja tidak seperti sekolah-sekolah lain yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu hingga enam. Begitu juga sekolah swasta dan persendirian tidak terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sekolah-sekolah di bawah KPM atas justifikasi kerana

¹² Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2007

¹³ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2006

¹⁴ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2007

pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah tersebut lebih menyeluruh, selaras dan seragam berbanding sekolah swasta dan persendirian. Ini kerana terdapat peruntukan khas kewangan untuk aktiviti kokurikulum¹⁵ dan setiap penglibatan pelajar akan dinilai dan sentiasa dipantau oleh Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri. Penganalisisan terhadap beberapa prosedur pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah dengan merujuk kepada elemen-elemen *mashlahah* dan *mafsadah* yang telah disusun oleh ulama *uṣūl al-fiqh*.

Dalam penentuan lokasi kajian, penyelidik memilih sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Kedah kerana prosedur pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah sama dengan sekolah-sekolah di negeri-negeri yang lain. Ini kerana semua sekolah sama ada di semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah sama sahaja kerana semuanya tertakluk kepada garis panduan yang disediakan oleh KPM. Sekolah-sekolah menengah di negeri Kedah juga terdapat di kawasan bandar dan luar bandar seperti sekolah-sekolah di negeri-negeri yang lain. juga mengambil kira kriteria tambahan pemilihan lokasi kajian iaitu kos penyelidikan yang rendah, masa yang tidak terlalu lama dan jarak yang tidak terlalu jauh¹⁶. Ini penting agar lokasi kajian boleh dilawati dengan beberapa kali yang akan memudahkan urusan mengumpul data daripada responden-responden. Justeru, lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah selari dengan saranan beliau kerana sekolah-sekolah menengah dalam negeri Kedah berada berhampiran tempat tinggal penyelidik yang akan memudahkan penyelidik mendapatkan data-data kajian yang berkualiti.

¹⁵ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2006

¹⁶ Othman Lebar (2018), Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode, Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 75

1.8 Kajian Lepas

Hasil penelitian pengkaji, terdapat banyak tulisan dan kajian berkaitan *maṣlahah* dan *mafsadah* serta aplikasinya dalam hukum Islam. Selain itu, kajian berkaitan aktiviti dan gerak kerja kurikulum juga banyak ditulis oleh para pengkaji dan ilmuan. Kajian-kajian lepas ini boleh dibahagikan kepada dua tema utama seperti berikut:

1.8.1 Konsep *Maṣlahah* dan *Mafsadah* Dalam Penentuan Hukum

Pelbagai penyelidikan telah dilakukan berkaitan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* dan justifikasinya dalam penentuan hukum. Metode ulama *uṣūl fiqh* digunakan dalam mengaplikasikan prinsip tersebut dalam hukum Islam semasa. Contoh Azri bin Bhari¹⁷ menganalisis justifikasi *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam keharusan sambutan *Maulidur Rasul*. Walaupun pelbagai pendapat yang menyokong dan menentang sambutan tersebut dengan mendatangkan pelbagai hujah dan dalil, namun dengan menggunakan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*, maka hukum yang paling tepat berkaitan sambutan tersebut dapat dihidangkan kepada masyarakat awam. Kajian hanya memberi tumpuan kepada sambutan *Maulidur Rasul* dan tidak kepada amalan-amalan yang lain.

Ridzwan bin Ahmad¹⁸ pula mengkaji metode dalam melakukan pentarjihan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*. Kaedah ini sangat penting bagi memastikan seseorang ilmuan itu tidak tersilap dalam mengaplikasikannya terhadap hukum Islam semasa. Perkembangan zaman dan teknologi maklumat yang berlaku dengan pesat

¹⁷ Azri bin Bhari (2010), “Maslahah sebagai Satu Justifikasi Terhadap Keharusan Sambutan Maulidur Rasul di Malaysia”, (Disertasi Sarjana, APIUM, Kuala Lumpur)

¹⁸ Ridzwan bin Ahmad (2008). Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Fiqh* Jil 16, bil 1

menyebabkan ilmuwan syariah perlu mahir dengan metode ini. Ini kerana sebahagian persoalan hukum Islam semasa tiada dalam kitab-kitab fiqh klasik.

Kajian peringkat kedoktoran telah dilakukan oleh Azri bin Bhari¹⁹ berkaitan fatwa zakat di Malaysia. Perubahan fatwa daripada mazhab Syāfi‘ī kepada pendapat mazhab lain dibuat atas dasar *maṣlaḥah*. Ini bertujuan *maqāṣid al-shari‘ah* daripada pensyariatan zakat tercapai. Jika fatwa semasa masih tidak berubah sedangkan zaman sudah berubah, maka dibimbangi *maṣlaḥah* daripada tujuan pensyariatan zakat akan terabai dan dalam waktu yang sama akan menyebabkan timbul *mafsadah*. Kajian ini juga hanya memberi penekanan kepada ibadat zakat dan tidak kepada ibadat-ibadat yang lain. Selain itu, kajian ini juga tidak menjurus kepada permasalahan muamalat dan perbankan.

Menurut Akbar Sarif²⁰, al-Imām al-Ghazzālī merupakan pengasas dan pelopor bagi ilmu *maqāṣid al-shari‘ah* yang mana *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menjadi asas kepada ilmu tersebut. Al-Imām al-Shāfi‘ibī hanyalah merupakan pelengkap kepada ilmu tersebut setelah ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām. Kedua-dua ulama iaitu al-Imām al-Ghazzālī dan sl-Imām al-Shāfi‘ibī bersepakat bahawa *maṣlaḥah* dan *mafsadah* hendaklah berdasarkan *nass* syarak bukan berdasarkan akal semata-mata. Namun begitu, Al-Imam al-Shatibi menyempitkan konsep *ta’lil ahkām* dalam bab ibadat berbanding al-Imām al-Ghazzālī yang meluaskan sama ada dalam bidang ibadat maupun muamalat.

¹⁹ Azri bin Bhari (2016), “Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid Syariah”, (Tesis PhD, APIUM, Kuala Lumpur)

²⁰ Akbar Sarif (2011), “Analisis Perbandingan Konsep Maslahah dan Mafsadah antara Imam Ghazzali dan Imam al-Shatibi”, (Disertasi Sarjana, APIUM, Kuala Lumpur)

Rawatan materniti terutamanya ketika kecemasan yang memerlukan rawatan segera merupakan *maṣlahah* pada peringkat *ḥājiyyāt*. Justeru melihat dan menyentuh aurat pesakit wanita ketika melakukan pemeriksaan abdomen dan vagina oleh doktor lelaki adalah harus. Dalam situasi darurat yang boleh menjelaskan nyawa ibu atau bayi, perkara asal yang hukumnya adalah haram akan menjadi harus berdasarkan kaedah fiqh yang berbunyi *al-darūrah tubīh al-maḥzūrāt*. Kaedah ini memberikan keizinan kepada setiap mukallaf termasuk doktor melakukan perkara yang dilarang sekadar yang diperlukan untuk mengangkat kemudarat iaitu melibatkan nyawa ibu dan bayi²¹. Kajian ini bersifat gabungan antara lapangan dan kepustakaan kerana penyelidik menemubual pegawai-pegawai perubatan. Perkara ini merupakan penambahbaikan kepada penyelidikan-penyelidikan sebelum ini yang bersifat analisis dokumen sahaja.

Rawatan materniti kepada ibu mengandung merangkumi tiga fasa iaitu *antenatal*, pengendalian kelahiran dan *postpartum*. Prosedur yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah selari dengan *maqāṣid al-shari‘ah* yang menekankan kepada *darūriyyāt al-khams*. Rawatan yang diberikan adalah bermatlamat mencapai *maṣlahah* kesejahteraan nyawa ibu dan bayi di samping tidak mengabaikan persoalan maruah diri wanita tersebut. Penguatkuasaan akta dan kod etika ketika rawatan materniti adalah manifestasi kepada penjagaan nyawa dan maruah setiap pesakit. Langkah membenarkan suami menemani isteri ketika di dewan bersalin dan pesakit dibenarkan memakai pakaian khusus untuk bersalin merupakan

21 Siti Khatijah Ismail, Ridzwan Ahmad dan Anisah Abd. Ghani (2013). Konsep Maslahah Dalam Keperluan Rawatan dan Aplikasinya Dalam Rawatan Materniti. Prosiding International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society.

langkah baik dalam menjaga privasi dan memenuhi penjagaan maruah seseorang wanita muslimah²².

Pelaksanaan Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Malaysia telah menyumbang kepada hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan. Menurut pengkaji, pelaksanaan ini mempunyai *maṣlahah* dan *mafsadah* sama ada pada peringkat *darūriyyāt*, *ḥājiyyāt* dan *tahsīniyyāt*. Contohnya pelaksanaan GST telah mengurangkan kos perniagaan yang perlu ditanggung oleh firma. Begitu juga pelaksanaan GST telah menstabilkan pendapatan dan pembangunan negara. Namun begitu pelaksanaan GST mempunyai *mafsadah* iaitu memberi kesan kepada kenaikan harga barang dan meningkatkan kadar hutang isi rumah. Walau bagaimanapun *maṣlahah* daripada pelaksanaan GST adalah lebih besar daripada *mafsadah*. Malah *maṣlahah* daripada pelaksanaan GST adalah bersifat *maṣlahah ‘āmmah* iaitu untuk pembangunan negara manakala *mafsadah* tadi adalah bersifat *khāssah*. Oleh kerana itu, perkara ini adalah diharuskan disebabkan selari dengan kaedah fiqh iaitu keharusan menanggung kemudaratan yang bersifat khusus demi untuk mengelak daripada berlaku kemudaratan yang bersifat umum²³.

Manakala satu kajian berkaitan tadbir urus konsep Hospital Mesra Ibadat berdasarkan *maqāṣid al-shari‘ah* telah dilakukan oleh empat orang penyelidik. Untuk memelihara agama, kakitangan Hospital Pakar al-Islam telah melatih kakitangan mengenai tatacara wuduk, tayammum dan solat pesakit. Begitu juga dalam memelihara nyawa, semua ubat yang digunakan hendaklah halal iaitu tidak daripada

²² Siti Khatijah bt Ismail (2017), “Penentuan Standard Maslahah dan Mafsadah Dalam Rawatan Materniti di Malaysia”, (Tesis PhD, APIUM, Kuala Lumpur)

²³ Nur Hidayah Abd Latiff, Taqiuddin Mohamad dan Munawwar Rizki (2021). Analisis Dari Sudut Maqasid Syariah Mengenai Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (01), 87-115

najis. Walau bagaimanapun jika tiada ubatan yang halal, maka pihak hospital akan memaklumkan terlebih dahulu kepada pesakit berkaitan penggunaan ubatan tidak halal. Penggunaan ini adalah bertujuan mengelak daripada kemudaratan dan mencapai kemaslahatan pesakit²⁴.

Muhammad Najib bin Abdullah pula mengkaji berkaitan rukhsah tidak mendirikan Solat Jumaat akibat penularan pandemic Covid-19. Rukhsah yang diberikan oleh syarak adalah bertujuan mengelak dan mengekang wabak daripada berleluasa. Perbuatan seseorang yang menyebarkan virus dan menyebabkan orang lain terkena virus adalah ditegah kerana perbuatan itu akan menyebabkan orang lain menderita kesakitan. Maka penangguhan solat Jumaat dan digantikan dengan solat Zohor adalah untuk mencapai *maṣlahah ‘āmmah* dan memilih kemudahan sebagai keadaan darurat adalah menepati *maqāṣid al-shari‘ah*²⁵.

Kajian yang dibuat oleh Izal Mustafa Komar berkaitan konsep *maṣlahah* di sisi Wahbah al-Zuhaylī. Menurut Wahbah al-Zuhaylī berlaku kekeliruan dalam memahami konsep *al-Maṣāliḥ al-mursalah* menurut mazhab Maliki dan sebahagian Hanafi. Kekeliruan ini menimbulkan tafsiran bahawa golongan Malikiyyh telah mengabaikan *naṣ* apabila bertembung dengan *maṣlahah*. Begitu juga dengan beberapa keputusan yang diambil oleh Saidina Umar al-Khattab semasa menjadi khalifah. Sehubungan itu, teori *maṣlahah* di sisi Wahbah al-Zuhaylī adalah merupakan pandangan yang diambil daripada tokoh ulama usul fiqh seperti al- Ghazzālī dan al-Shāṭibī. Prasyarat pengamalan *maṣlahah* di sisi Wahbah al-Zuhaylī juga sama seperti

²⁴ Ishak Mas’ud, Mohd Zulkifli Awang, Nurul Aisyah Amir Ramli dan Surina binti Mohammad Shafi (2021). Konsep Hospital mesra Ibadah: Tadbir Urus Berasaskan Maqasid al-Syariah dan Peranan Zakat. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance* Vol. 1 No. 2 (Special Issue), 71-90

²⁵ Muhammad Najib bin Abdullah (2021). Hukum Berkaitan Pembatalan Solat Jumaat kerana Penularan Pandemik Merbaya Menurut Perspektif Fiqh Maqasid dalam *Covid-19 Dari Perspektif Fiqh & Usul Fiqh*, ed. Irwan Mohd Subri. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 41

yang diletakkan oleh al-Būṭī²⁶. Penyelidikan ini berkaitan konsep dan teori *maṣlaḥah* di sisi Wahbah al-Zuhaylī sahaja daan tiada sebarang pengaplikasiannya dengan isu-isu semasa yang berlaku di Malaysia.

Semua kajian ini tidak memberi tumpuan kepada bidang pendidikan. Walaupun bidang pendidikan sangat penting dalam pembangunan insan, namun kajian-kajian berkaitan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* lebih banyak menjurus kepada perbankan, ibadat khusus dan perubatan. Kajian-kajian berhubung pendidikan lebih menjurus kepada gaya kepimpinan pengetua dan tidak melihat dari perspektif *maṣlaḥah* dan *mafsadah*.

1.8.2 Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah

Hasil sorotan yang telah dilakukan, pengkaji mendapati pelbagai aspek telah ditulis berkaitan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah menengah. Menurut Nor Suhara bt Haji Fadzil dan Jamil bin Ahmad, pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah hendaklah berlandaskan surat pekeliling ikhtisas (SPI) dan peraturan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa. Keengganan dan kegagalan pihak sekolah melaksanakan aktiviti kokurikulum akan mengakibatkan mereka boleh didakwa dan dijatuhi hukuman denda kerana melakukan kesalahan. Murid dapat berinteraksi dengan antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Dengan ini semangat kerja berpasukan mampu dipupuk melalui aktiviti persatuan dan badan beruniform²⁷.

²⁶ Izal Mustafa Komar (2021). Konsep Maslahah di Sisi Wahbah al-Zuhayli (1932-2015): Satu Penilaian. *Jurnal Fiqh*, Vol. 18 No.1, 217-240

²⁷ Nor Suhara bt Haji Fadzil dan Jamil bin Ahmad (2010). Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan di Sekolah Menengah. *Prosiding Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarbangsa*, Bandung Indonesia, 8-10 November 2010

Kegiatan kokurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah pelengkap kepada proses kurikulum. Namun menurut Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad, sebahagian guru gagal merancang aktiviti kokurikulum kerana mereka kurang mahir dalam menguruskan sistem fail kurikulum. Mereka juga perlu diberi latihan dan pendedahan untuk meningkatkan kemahiran dalam menguruskan aktiviti kurikulum kepada semua pelajar. Selain itu, pengetua juga berperanan memantau dan membantu guru dalam melaksanakan aktiviti kurikulum supaya matlamat dan objekif yang telah digariskan akan tercapai dengan jayanya²⁸.

Karektor unggul pelajar mampu dipupuk menerusi aktiviti kurikulum. Bakat mereka akan dipupuk menerusi acara tilawah al-Quran, hafazan, bercerita dan lain-lain. Bakat ini tidak mampu dicungkil oleh guru ketika mengajar dalam kelas kerana mereka lebih menumpukan kepada sukan pelajaran yang perlu dihabiskan. Maka aktiviti kurikulum ini merupakan nilai tambah kepada perubahan positif bagi seseorang pelajar²⁹.

Nur Aishah Abdullah dan Mohd Sofian Omar Fauzee berpendapat aktiviti kurikulum boleh melahirkan pelajar yang sihat. Ini kerana aktiviti sukan yang disertai oleh mereka akan mampu mengurangkan berat badan, membantu fungsi sistem badan seperti sistem penghadaman, perkumuhan dan pernafasan berfungsi dengan baik. Badan yang sihat ini akan menyebabkan mereka akan memperolehi emosi yang stabil seperti mengurangkan kemurungan dan meningkatkan keyakinan diri apabila berada dalam khalayak ramai³⁰. Namun kajian ini tidak memberi tumpuan kepada

²⁸ Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012). Analisis Kepentingan-Kejayaan Pengurusan Kokurikulum. *Jurnal Penyelidikan Pentadbiran*, Vol 2 No. 1, 75-85

²⁹ Rosnidar Mansor, Aslina Ahmad dan Nik Azmah Nik Yusuff (2016). Pembinaan Karektor Unggul murid Menerusi Aktiviti Kokurikulum, *JPBU* Vol. 9

³⁰ Nur Aishah Abdullah dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002). Senaman dan Kesejahteraan Diri dalam *Psikologi Sukan: Konsep Dalam Latihan dan Pengajaran Sukan* ed. Mohd Sofian Omar Fauzee. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd,

penglibatan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan dalam aktiviti kurikulum. Persoalan pelaksanaan aktiviti kurikulum untuk pelajar-pelajar tersebut tidak dibuat kajian secara menyeluruh adakah turut membantu kepada kesihatan tubuh yang lebih baik.

Menurut Mohamad Nor Che' Noh³¹, aktiviti kurikulum merupakan peneguhan kepada kurikulum yang dijalankan dalam kelas. Sebagai contoh aktiviti Pengakap dan Pandu Puteri yang melibatkan murid pelbagai kaum akan mendorong murid berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Inggeris. Komunikasi akan lebih mudah apabila semua murid dapat mengaplikasikan semula pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kelas dengan berkomunikasi sesama rakan ketika menyiapkan tugasan badan beruniform tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh berkaitan pertembungan aktiviti kurikulum dengan pembelajaran dalam kelas. Penglibatan pelajar secara aktif dalam pertandingan anjuran PPD dan KPM semasa waktu persekolahan tidak dikaji sejauh mana menjaskannya pencapaian pelajar dalam akademik.

Pergaulan pelajar akan lebih meluas apabila mereka menyertai aktiviti kurikulum. Mereka akan dapat mengenali rakan daripada kelas dan tingkatan lain. Selain itu, mereka juga berpeluang menambah rakan daripada sekolah, daerah dan negeri lain apabila mereka mewakili sekolah atau negeri ke peringkat kebangsaan. Malah rangkaian rakan akan lebih meluas apabila mereka mewakili negara ke peringkat antarabangsa sekaligus mereka merupakan duta kecil kepada negara³².

³¹ Fadzilawati Mustaffa dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2003). Kepentingan dan Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah dalam *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah* ed. Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof. Selangor, Karisma Production Sdn. Bhd, 3

³² Khairani Zanor dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2003). Perlunya Kokurikulum Dalam Pendidikan Sekolah dalam *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah* ed. Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof. Selangor, Karisma Production Sdn. Bhd, 9

Penerapan disiplin kepada pelajar dapat diterapkan melalui aktiviti kokurikulum. Pelajar akan diajar mematuhi masa dan mendengar arahan ketua terutama apabila mereka terlibat dengan sesuatu pertandingan. Selain itu, mereka juga akan menjalani latihan sukan dan kawad kaki dengan bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan. Semangat juang yang tinggi tanpa mengenal erti putus asa diperlukan bagi setiap pelajar yang mewakili sekolah. Semua ini memerlukan disiplin yang sangat tinggi ketika mengikuti sesi latihan bersama guru penasihat yang bertindak sebagai jurulatih³³.

Menurut Abdul Alim Abdul Rahim³⁴, iklim dan budaya sekolah yang segar akan dapat diwujudkan melalui aktiviti kokurikulum. Sekolah bukan hanya menjadi tempat yang menyeronokkan kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik sahaja. Namun pelajar yang kurang cemerlang atau lemah dalam akademik juga akan suka datang ke sekolah kerana mereka berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Mereka juga berpeluang menonjolkan kebolehan yang dimiliki dan menyumbang bakti kepada sekolah dengan cara mengharumkan nama sekolah dalam bidang sukan dan aktiviti kokurikulum yang lain. Pelajar juga dapat melepaskan kepenatan setelah belajar seharian dalam kelas dengan terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Mereka akan bersosial sesama rakan sekaligus emosi mereka akan kembali stabil dan memberikan kesegaran kepada fisiologi. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menganalisis sama ada aktiviti kokurikulum menambahkan beban dan tekanan kepada pelajar kerana mereka sudah terbeban dengan kurikulum yang mengandungi banyak sukatan pelajaran.

³³ *Ibid.*, 10.

³⁴ Abdul Alim Abdul Rahim, op.cit, 9

Pengalaman-pengalaman baru yang tidak diperolehi dalam kelas akan diperolehi oleh pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Mereka akan menimba pengalaman mengembara dengan menyertai aktiviti Kelab Kembara. Malah mereka juga mampu menimba pengalaman membantu dalam memberi rawatan dan pertolongan kecemasan kepada orang yang terlibat dengan kemalangan. Semua ini akan diperolehi apabila mereka melibatkan diri dalam Persatuan Bulan Sabit Merah atau St. John Ambulans³⁵.

Faridah Karim³⁶ berpendapat aktiviti kokurikulum kurang mendapat sambutan daripada kalangan pelajar atas beberapa faktor. Antaranya ialah sebahagian ibu bapa melihat kokurikulum kurang penting berbanding kurikulum. Ini menyebabkan mereka lebih suka menghantar anak ke pusat tuisyen pada waktu petang berbanding menyuruh anak mereka terlibat dengan aktiviti kokurikulum anjuran pihak sekolah. Mereka berpandangan keputusan akademik akan menjadi penentu utama untuk menyambung pengajian pada peringkat tinggi berbanding kegiatan kokurikulum hanya dicatatkan dalam sijil berhenti sekolah sahaja. Namun kajian ini tidak memaparkan data-data yang menunjukkan pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga cemerlang dalam akademik. Perkara ini penting sebagai solusi penyelesaian kepada kegusaran sebahagian ibu bapa tersebut.

Semua kajian ini tidak memberi fokus kepada elemen *maslahah* dan *mafsadah* dari perspektif ilmu usul al-fiqh. Konsep *maslahah* dan *mafsadah* tidak digunakan oleh

³⁵ Khairani Zanor dan Mohd Sofian Omar Fauzee, op.cit, 12

³⁶ Hamsiah Mohd Yusof dan Borhan Yusof (2003). Meningkatkan Disiplin Pelajar Melalui Gerak Kerja Kokurikulum dalam *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah* ed. Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof. Selangor, Karisma Production Sdn. Bhd, 19

penyelidik-penyalidik untuk menganalisis sebarang isu yang berlebar dalam bidang akademik.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif. Menurut Sharan b. Merriam, kajian berbentuk kualitatif kerap digunakan dalam bidang sains sosial terutamanya dalam bidang pendidikan³⁷. Ini kerana penyelidik dapat mengkaji secara mendalam dan mampu memahami sesuatu masalah dalam dimensi yang lebih luas³⁸. Dalam menggunakan metode kajian ini, dua perkara yang perlu diambil kira iaitu Pengumpulan Data dan Analisis Data.

1.9.1 Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpul data, pengkaji akan menggunakan kajian kepustakaan (*Library Research*) dan kajian lapangan. Pengkaji akan mengumpulkan data-data dengan merujuk kepada dokumen-dokumen yang diperolehi seperti dokumen-dokumen sejarah aktiviti kurikulum di sekolah bawah KPM yang terdiri daripada Akta Pelajaran 1956, Akta Pendidikan 1996, Warta Kerajaan, Perintah-Perintah Am Pegawai Awam, Laporan Jawatankuasa Kabinet dan SPI serta surat edaran yang dikeluarkan oleh KPM. Selain itu, pengkaji juga merujuk kitab-kitab turath berkaitan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, jurnal-jurnal ilmiah, kertas-kertas persidangan, buku-buku ilmiah berkaitan kurikulum, bahan-bahan yang belum diterbitkan seperti tesis, disertasi dan laporan kajian sebagai landasan teori. Penelitian dokumen juga dilakukan dengan cara penyelidik meneliti minit mesyuarat,

³⁷ Merriam, S.B (2009), Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation. USA: Jossey-Bass, 1

³⁸ Creswell, J.C. dan Creswell, J.D. (2018), *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. United Kingdom: Sage Publications, 41

perancangan strategik, carta organisasi kokurikulum dan jadual perjumpaan aktiviti kokurikulum. Penyelidik juga meneliti rekod pencapaian kokurikulum dan sijil anugerah kejayaan berkaitan kokurikulum di sekolah-sekolah terbabit. Setelah itu bahan tersebut akan dibaca, diteliti, dianalisis dan akhirnya akan dibuat rumusan berkaitan persoalan yang dikaji³⁹. Data-data dalam penyelidikan ini diperolehi melalui dua sumber iaitu:

- i. Data Primer
- ii. Data Sekunder

Pengkaji mengapkasikan beberapa metode dalam mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan. Metode yang akan digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1.9.1(a) Metode Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan bermaksud membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data yang berkaitan dengan topik yang akan dikaji.⁴⁰ Kajian ini berperanan sebagai landasan teori yang akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengetahui perkara yang perlu dikaji dan data yang perlu dikumpul serta jenis analisis yang perlu digunakan.⁴¹ Antara perpustakaan yang dikunjungi atau laman web perpustakaan yang dilayari oleh penyelidik ialah:

- i) Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
- ii) Pusat Sumber, Pusat Pengajaran Ilmu Kemanusian, USM

³⁹ Ahmad Sunawari Long (2014), *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam, Selangor*: Universiti Kebangsaan Malaysia, 63

⁴⁰ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*, Malaysia: Mc Graw Hill,35

⁴¹ *Ibid.*, 43

- iii) Perpustakaan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani
- iv) Perpustakaan Awam, Sungai Petani
- v) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- vi) Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

1.9.1(b) Metode Temu bual

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian boleh ditingkatkan dengan mempelbagaikan sumber untuk memperolehi data. Justeru, dapatan kajian akan lebih tepat dan meyakinkan apabila melalui proses kajian lapangan di samping kajian kepustakaan⁴². Kaedah yang boleh digunakan semasa kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden ialah temu bual⁴³. Metode temu bual boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti temu bual bersemuka, temu bual melalui telefon dan temu bual dengan bantuan komputer seperti emel. Terdapat dua cara menyemukan soalan semasa sesi temu bual iaitu temu bual berstruktur dan temu bual separa berstruktur⁴⁴.

Menurut Mohd Majid Konting, pengumpulan data secara temu bual separa berstruktur sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian⁴⁵. Penggunaan metode ini juga memungkinkan pengkaji

⁴² Maxwell, J.A (2013), *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*, United Kingdom: Sage Publications, 121

⁴³ Ahmad Sunawari Long, op.cit, 78

⁴⁴ Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 122-127

⁴⁵ Mohd Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, ed. Ke-6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 21